

**PENCEROBOHAN NELAYAN ASING DI  
PERAIRAN ZON EKONOMI EKSKLUSIF  
LAUT CHINA SELATAN, SABAH  
(1990-2008)**

**SURIATI BTE BIRU PARANG**



**UMS**

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK  
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH  
SARJANA SASTERA**

**SEKOLAH SAINS SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2010**

**PENCEROBOHAN NELAYAN ASING DI  
PERAIRAN ZON EKONOMI EKSKLUSIF  
LAUT CHINA SELATAN, SABAH  
(1990-2008)**



**SURIATI BTE BIRU PARANG**

**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**SEKOLAH SAINS SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2010**

### UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

#### BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL : \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

IJAZAH : \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

SAYA : \_\_\_\_\_ SESI PENGAJIAN : \_\_\_\_\_

(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis \*(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT (Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

\_\_\_\_\_  
(TANDATANGAN PENULIS)

\_\_\_\_\_  
(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat Tetap: \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_  
(NAMA PENYELIA)

TARIKH: \_\_\_\_\_

TARIKH: \_\_\_\_\_

**Catatan:**

\*Potong yang tidak berkenaan.

\*Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

\*Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

## PENAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

10 Ogos 2010

---

Suriati Binti Biru Parang  
PA2007-8374



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGESAHAN

NAMA : **SURIATI BINTI BIRU PARANG**  
NO. MATRIK : **PA2007-8374**  
TAJUK : **PENCEROBOHAN NELAYAN ASING DI PERAIRAN ZON  
EKONOMI EKSKLUSIF LAUT CHINA SELATAN, SABAH  
(1990-2008)**  
IJAZAH : **SARJANA SASTERA**  
TARIKH VIVA : **11 MEI 2010**

## DISAHKAN OLEH

**1. PENYELIA**  
Prof Madya. Dr. Ismail Ali  
Penyelia Utama

**2. PENYELIA BERSAMA**  
En. Baszley Bee Basrah Bee  
Penyelia Bersama



UMMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **PENGHARGAAN**

Segala pujian bagi Allah yang maha pemurah lagi maha pengasih kerana dengan limpah kurnia-Nya dan izin-Nya kajian ini dapat disempurnakan. Kajian yang membicarakan tentang kegiatan percerobohan oleh nelayan asing di perairan Sabah khususnya sebelah Laut China Selatan. Yakni ia merupakan satu penerokaan ilmiah yang berguna untuk kepentingan semua lapisan masyarakat khususnya dalam bidang perikanan. Konteks keselamatan perairan dan kelangsungan bekalan sumber perikanan adalah antara aspek yang ditekankan dalam kajian pengkaji ini walaupun, sememangnya pengkaji tidak menafikan sebagai manusia biasa yang tidak sempurna dalam semua aspek, hasil kajian ini turut mempunyai beberapa kelemahan tertentu dan di harapkan pengkaji-pengkaji pada masa hadapan dapat mengatasinya.

Kajian yang mengambil masa selama dua tahun ini, adalah hasil bimbingan dan bantuan daripada semua pihak sama ada yang terlibat secara langsung mahupun tidak. Terlebih dahulu, pengkaji ingin merakamkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Prof Madya Dr. Ismail Ali selaku penyelia utama. Beliau telah memberi tunjuk ajar, sokongan dan komen yang membina dalam menyempurnakan kajian ini. Pada kesempatan ini juga, ucapan terima kasih kepada En. Baszley Bee Basrah Bee sebagai penyelia kedua yang memberikan semangat dan dorongan dalam proses menyiapkan kajian ini. Selain itu, sekalung penghargaan turut ditujukan kepada semua pensyarah di Sekolah Sains Sosial dan program Sejarah amnya yang sentiasa menyokong dengan melontarkan kritikan dan cadangan bagi meningkatkan tahap kualiti kajian ini.

Selain itu, tidak lupa juga kepada semua kakitangan badan-badan yang terlibat iaitu Arkib Negeri Sabah, Perpustakaan Negeri Sabah, Perpustakaan Universiti Malaya, Arkib Negara, Jabatan Perikanan Sabah dan APMM yang terlibat dalam kerja lapangan. Buat rakan seperjuangan yang sentiasa membakar semangat iaitu saudari Sumarni Tahir serta semua rakan-rakan di Sekolah Sains Sosial.


Setulus kasih penghargaan buat kedua ayahanda, bonda serta keluarga yang sentiasa mendoakan dan menasihati kejayaan pengkaji dalam semua bidang. Akhir kata, sekali lagi ribuan terima kasih kepada semua pihak dan individu yang terlibat membantu menjayakan kajian ini.

**Suriati Bt. Biru Parang**

## **ABSTRAK**

### **PENCEROBOHAN NELAYAN ASING DI PERAIRAN ZON EKONOMI EKSKLUSIF LAUT CHINA SELATAN, SABAH (1990-2008)**


Pencerobohan dan penangkapan ikan secara haram oleh nelayan asing adalah pada tahap yang kritikal di perairan Laut China Selatan. Justeru itu, objektif kajian ini adalah menjelaskan perkembangan kegiatan tersebut di Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) Laut China Selatan dengan fokus di kawasan perairan Sabah antara tahun 1990 hingga 2008. Teknik pengumpulan data yang digunakan ialah metod sejarah dan interpretasi data adalah menggunakan pendekatan kualitatif dan analisis data statistik asas. Hasil penelitian menunjukkan bahawa berlaku peningkatan jumlah nelayan asing yang mencero bohi perairan Laut China Selatan di Sabah sepanjang tempoh kajian dilakukan. Aktiviti pencero bohan tersebut memberikan impak terhadap keselamatan dan industri perikanan di negeri Sabah.



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **ABSTRACT**

*The purpose of this study is to examine the development of foreign fishermen trespassing and illegal fishing activities in the Exclusive Economic Zone (EEZ) of South China Sea, Sabah between 1990 to 2008. Data gathering based on historical method and interpretation using a qualitative approach and basic statistical analysis. Research shown that an increasing of trespassing around the South China Sea cause various impact on security and fishing industry in Sabah.*



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



## SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
<b>TAJUK</b>	i
<b>PENGAKUAN CALON</b>	ii
<b>PENGESAHAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	ix
<b>SENARAI RAJAH</b>	xi
<b>SENARAI PETA</b>	xiii
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xiv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xvi
<b>BAB 1: PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	12
1.3 Tujuan Kajian	15
1.4 Skop dan Batasan Kajian	16
1.5 Lokasi Kajian	18
1.6 Metodologi Kajian	20
1.7 Kepentingan Kajian	21
1.8 Sorotan Literatur	22
1.9 Struktur Tesis	30
<b>BAB 2: LATAR BELAKANG LAUT CHINA SELATAN</b>	
2.1 Pengenalan	32
2.2 Geografi Perairan Laut China Selatan	34
2.3 Pembentukan Persempadanan Maritim Malaysia di Laut China Selatan	39
2.4 Kepentingan Laut China Selatan Dalam Konteks Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) Asia Tenggara	44

2.5	Sumbangan Laut China Selatan Kepada Pembangunan Industri Perikanan Sabah	66
2.6	Konflik Maritim di Laut China Selatan	78
2.7	Kesimpulan	94
<b>BAB 3: PENGUATKUASAAN PERUNDANGAN MARITIM DI ZON EKONOMI EKSKLUSIF (ZEE) SABAH</b>		
3.1	Pengenalan	96
3.2	Konsep Pencerobohan	97
3.3	Penguatkuasaan Undang-Undang	100
3.4	Agensi Penguatkuasaan	106
3.5	Penguatkuasaan Perundangan	120
3.6	Kesimpulan	135
<b>BAB 4: PENCEROBOHAN NELAYAN ASING</b>		
4.1	Pengenalan	138
4.2	Latar Belakang Nelayan Asing	142
4.3	Kawasan Pencerobohan	169
4.4	Faktor-Faktor Pencerobohan Nelayan Asing	176
4.5	Kesimpulan	195
<b>BAB 5: IMPAK DAN ISU PENCEROBOHAN</b>		
5.1	Pengenalan	201
5.2	Statistik Tangkapan Pencerobohan Nelayan Asing	204
5.3	Impak Pencerobohan Nelayan Asing	216
5.4	Isu dan Cabaran	219
5.5	Kesimpulan	224
<b>BAB 6: PENUTUP</b>		229
 <b>BIBLIOGRAFI</b>		241
 <b>LAMPIRAN</b>		254

## SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1: Jumlah penduduk Sabah mengikut kumpulan etnik tahun 2006	4
Jadual 2.1: Potensi perikanan laut di kawasan perairan Laut China Selatan	58
Jadual 2.2: Jumlah tangkapan ikan Selayang mengikut jenis perkakas perikanan tahun 1981, 1986 dan 1992	60
Jadual 2.3: Tangkapan ikan Kembung mengikut jenis perkakas tahun 1981, 1986 dan 1992	61
Jadual 2.4: Tangkapan spesies ikan Kembung <i>Indo-Pacific</i> mengikut perkakas tahun 1981, 1986 dan 1992	62
Jadual 2.5: Perbezaan spesies jerung dan <i>chimaeroid</i> yang terdapat Di kawasan Laut China Selatan dan dunia	63
Jadual 2.6: Jumlah eksport dan import komoditi perikanan LCS tahun 1998	68
Jadual 2.7: Keperluan guna tenaga di Sabah dalam sub-sektor maritim	70
Jadual 3.1: Zon pengurusan perikanan	102
Jadual 3.2: Jenis kesalahan dan hukuman denda yang dikenakan mengikut Enakmen Pemeliharaan Hidupan Liar 1997	104
Jadual 3.3: Tanggungjawab utama dan had kawasan rondaan Agensi-Agensi Penguatkuasaan Maritim Negara	108
Jadual 3.4: Aset logistik Pasukan Polis Marin Wilayah Sabah	125
Jadual 3.5: Kawasan operasi dan penggunaan bot dan kapal APMM	132
Jadual 3.6: Kapal dan bot APMM yang beroperasi di DM15 Kota Kinabalu	133
Jadual 3.7: Kejayaan tangkapan yang dibuat oleh APMM	134
Jadual 4.1: Had kawasan penggunaan bot pukut tunda	154
Jadual 4.2: Jenis perkakas yang digunakan oleh nelayan asing	161

Jadual 4.3:	Jumlah hasil lelongan tangkapan di pantai Barat Sabah, 2004-2005	163
Jadual 4.4:	Bilangan kes tangkapan pencerobohan seluruh daerah Pantai Barat dari tahun 2003-2007	170
Jadual 4.5:	Kawasan pencerobohan nelayan asing di perairan Sabah	172
Jadual 4.6:	Aset-aset yang dimiliki oleh setiap agensi di Malaysia	185
Jadual 5.1:	Jumlah nilai perdagangan dan imbalan perikanan Sabah tahun 2003-2005	201
Jadual 5.2:	Bilangan kapal asing yang ditahan di perairan Sabah, 1990-1995	205
Jadual 5.3:	Kes mahkamah pencerobohan oleh nelayan asing	207
Jadual 5.4:	Hukuman denda terhadap nelayan asing tahun 2007	208
Jadual 5.5:	Statistik nelayan asing yang ditahan mengikut bangsa tahun 2006-2008	211
Jadual 5.6:	Statistik tangkapan APMM mengikut akta kesalahan, 2006-2008	214
Jadual 5.7:	Statistik pencerobohan nelayan asing oleh Polis Marin, 2004-2008	216




UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.1: Pembahagian zon maritim perairan negara	14
Rajah 1.2: Sempadan perairan ZEE Sabah	19
Rajah 2.1: Pembahagian zon maritim oleh UNCLOS 1982	45
Rajah 2.2: Pelantar minyak Platform Semarang	50
Rajah 2.3: Laluan perhubungan perdagangan dan komunikasi antarabangsa di Laut China Selatan	52
Rajah 2.4: Tarikan rekreasi pelancongan di Pulau Layang-Layang	56
Rajah 3.1: Struktur organisasi Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia	115
Rajah 3.2: Sejumlah pendatang tanpa izin (PATI) yang berjaya ditahan oleh APMM	130
Rajah 3.3: Kawasan operasi APMM di perairan negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan	131
Rajah 4.1: Nelayan China dari Hainan yang didapati menangkap 185 ekor Penyu Hijau	151
Rajah 4.2: Bot asing nelayan Vietnam yang menangkap ikan menggunakan pukot jerut	153
Rajah 4.3: Peralatan pengeboman ikan yang digunakan oleh nelayan Filipina	156
Rajah 4.4: Salah satu contoh vesel menangkap ikan milik nelayan China	158
Rajah 4.5: Vesel penangkapan ikan milik nelayan Vietnam	160
Rajah 4.6 : Vesel perikanan milik nelayan Filipina yang telah disita oleh pihak Jabatan Perikanan	162
Rajah 4.7: Aliran jumlah tangkapan ikan dan penyu oleh nelayan asing tahun 2004-2008	165
Rajah 4.8: Penangkapan haram penyu sisik oleh nelayan China	167
Rajah 4.9: Spesies ikan tuna terdapat di perairan Pulau Layang-Layang	168


Rajah 5.1: Bilangan nelayan yang menceroboh perairan Laut China Selatan tahun 2007	210
Rajah 5.2: Bot peronda Jabatan Perikanan, PK- MANGALUM	221



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI PETA

	Halaman
Peta 1.1: Peta kawasan perikanan di Pantai Barat Sabah	9
Peta 2.1: Peta Laut China Selatan	35
Peta 2.2: Sempadan antarabangsa dan Pelantar Benua Malaysia	43
Peta 2.3: Perairan maritim Laut China Selatan yang menjadi tuntutan	81
Peta 2.4: Peta kepulauan Spratly	84
Peta 2.5: Kawasan kepulauan Spratly yang diduduki oleh beberapa buah negara	87
Peta 4.1: Kawasan utama pencerobohan nelayan asing di perairan Laut China Selatan	174




UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
LAMPIRAN A: Salah satu kapal nelayan asing negara China yang Memasuki perairan negeri Sabah	254
LAMPIRAN B: Alatan perkakas menangkap ikan yang digunakan oleh nelayan Filipina dan telah disita oleh Jabatan Perikanan	255
LAMPIRAN C: Pukat jerut yang digunakan oleh nelayan Filipina menangkap ikan di perairan Pantai Barat Sabah	256
LAMPIRAN D: Kapal perikanan milik nelayan Vietnam yang beroperasi Di perairan Sabah secara sah memiliki nombor pendaftaran	257
LAMPIRAN E: Vesel perikanan laut dalam nelayan Vietnam yang mencero boh dan diberkas oleh pegawai Jabatan Perikanan	258
LAMPIRAN F: Bot-bot perikanan nelayan tempatan Kota Kinabalu	259
LAMPIRAN G: Salah satu jenis pukat menangkap ikan yang digunakan oleh nelayan Vietnam	260
LAMPIRAN H: Bahan-bahan yang digunakan untuk membuat bahan letupan bom ikan	261
LAMPIRAN I: Spesies ikan yang sering ditangkap menggunakan kaedah bom	262
LAMPIRAN J: Alatan lain yang diperlukan untuk tujuan pengeboman ikan laut	263
LAMPIRAN K: Keadaan laut akibat penggunaan bom ikan	264
LAMPIRAN L: Kawasan utama aktiviti pengeboman ikan di negeri Sabah seperti yang bertanda merah	265
LAMPIRAN M: OKT nelayan Filipina yang menangkap ikan menggunakan bahan letupan	266
LAMPIRAN N: Nelayan China yang di hadapkan ke mahkamah	267
LAMPIRAN O: Nelayan Vietnam yang didapati bersalah mencero boh perairan Sabah	268
LAMPIRAN P: Tangkapan penyu yang berjaya dibekas oleh anggota Polis Gerakan Marin Kota Kinabalu	269



LAMPIRAN Q:	Bot Kilat milik APMM yang beroperasi mengawal perairan Pantai Barat Sabah	270
LAMPIRAN R:	Kapal peronda milik Pasukan Gerakan Polis Marin Kota Kinabalu	271
LAMPIRAN S:	Operasi ikut serta pengkaji bersama anggota APMM membuat rondaan di perairan Laut China Selatan	272
LAMPIRAN T:	Temuduga bersama Encik Mohd. Yusuff Anthony Abdullah Ketua Pegawai Perikanan	273
LAMPIRAN U:	<i>Hunted For Their Shells</i>	274



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI SINGKATAN

ACP	-	<i>Assistant Commensior of Police</i>
APMM	-	Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
APB	-	Akta Pelantar Benua
ASEAN	-	<i>Associations of Southeast Asian Nations</i>
BIMP-EAGA	-	<i>Brunei-Indonesia-Malaysia-Philippinnes East Asia Growth Area</i>
FAO	-	<i>Food and Agriculture Organization</i>
HP	-	<i>Horse Power</i>
ICJ	-	<i>International Court of Justice</i>
JUPEM	-	Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia
KDNK	-	Keluaran dalam Negara Kasar
KPDNHEP-		Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna
KUUL	-	Konvensyen Undang-Undang Laut
LCS	-	Laut China Selatan
LKIM	-	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia
MIMA	-	<i>Maritime Institute Malaysia Agency</i>
NGO	-	<i>Non-Governmental Organization</i>
OKT	-	Orang Kena Tahan
PRC	-	<i>People Republic of China</i>
PETRONAS	-	Petroliam Nasional Bhd
PATI	-	Pendatang Asing Tanpa Asing
ROC	-	<i>Republic of China</i>
RM	-	Ringgit Malaysia
SAFMA	-	Sabah Fish Marketing Sdn.Bhd
SAR	-	<i>Search and Rescue</i>
SBBUB	-	Syarikat Berpiagam Borneo Utara British
SEAFDEC	-	<i>Southeast ASIAN Fisheries Development Center</i>
TLDM	-	Tentera Laut Di Raja Malaysia
TUDM	-	Tentera udara Di Raja Malaysia
UNCLOS	-	<i>United Nation Convention On The Law Of The Sea</i>
USTS	-	<i>U.S Geological Survey</i>
VMS	-	<i>Vesel Monitoring System</i>
ZEE	-	Zon Ekonomi Eksklusif

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Malaysia merupakan antara negara megadiversiti yang terkenal seluruh dunia kerana kepelbagaian biodiversiti yang dimilikinya. Terletak pada kedudukan yang strategik iaitu dikelilingi oleh lautan seluas 42,330 km persegi, panjang pesisir pantai 4, 675 km serta laut seluas 549, 500 km persegi telah menjadikan Malaysia sebuah negara yang amat kaya dengan sumber flora dan fauna. Misalnya dalam ekosistem marin sahaja terdapat lebih kurang 712 spesies ikan laut dan 460 spesies daripadanya mempunyai nilai komersil. Selain itu, terumbu karang juga mempunyai lebih kurang 350 jenis spesies karang. Lebih daripada 200 spesies rumpai laut dan 14 spesies rumput laut yang telah dikenal pasti di sepanjang pantai.<sup>1</sup> Terdapat banyak lagi spesies hidupan marin yang masih belum dikenal pasti disebabkan oleh kekurangan pakar taksonomi.

Biodiversiti marin yang dimiliki kini banyak memberikan pulangan serta kegunaan terutamanya sebagai sumber makanan, rekreasi pelancongan, ubatan dan nilai estitika. Tambahan pula, lautan samudera yang merupakan anugerah semulajadi tidak ternilai dan begitu berharga tidak hanya memberikan sumber hidupan marin bahkan ia juga memberikan sumbangan yang cukup penting kepada negara. Selain itu, tidak dinafikan juga Sabah sememangnya sebuah negeri yang kaya dengan khazanah semulajadi yang amat memukau pemandangan seperti hutan-belantara, gunung-ganang, tasik dan sungai.

Jumlah keluasan Sabah atau dahulunya dikenali sebagai Borneo Utara adalah dianggarkan meliputi kawasan kira-kira 73,620.1 kilometer persegi<sup>2</sup> atau

---

<sup>1</sup> *Kepelbagaian Biodiversiti di Malaysia, Majalah Era Hijau Ke arah Generasi Lestari, No. 2, Terbitan Jabatan Alam Sekitar Malaysia, 2006, hlm. 11.*

<sup>2</sup> *Maklumat Keluasan dan Perimeter Negeri-negeri, Daerah-daerah dan Pulau-Pulau di Malaysia, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), 2005, hlm.46*

29,388 batu persegi.<sup>3</sup> Bentuk muka buminya iaitu seakan-akan segitiga dan terdedah dengan pengaruh laut telah menjadikan Sabah beriklim khatulistiwa kelautan iaitu panas dan lembab sepanjang tahun. Malah, kedudukannya di kawasan tropika inilah yang membuatkan ia berbeza dengan negara-negara lain.<sup>4</sup>

Dari segi geografinya, Sabah terletak di bahagian Utara Pulau Borneo yang bersempadan dengan Sarawak di sebelah Barat Daya. Manakala di sebelah selatan pula ia berjiran dengan Kalimantan dan Indonesia.<sup>5</sup> Terletak menganjur antara 4 dan 7 darjah garis bujur Utara dan 115 dan 120 garis bujur Timur serta dibarisi oleh 38 pulau berpantai indah.<sup>6</sup> Kedudukan Sabah yang strategik amat bersesuaian dengan gelaran *Negeri Di Bawah Bayu* yang diberikan oleh seorang penulis bernama Agnes Keith memandangkan kedudukannya yang amat strategik kerana terlindung daripada tiupan angin taufan.<sup>7</sup> Selain memiliki sumber alam semulajadi flora dan fauna, Sabah juga cukup terkenal dengan kepelbagaian dan keunikan budaya masyarakatnya yang terdiri daripada 32 jenis kumpulan etnik yang berlainan agama, bangsa dan adat-istiadat seperti Kadazan-Dusun, Murut, Idahan, Bajau dan banyak lagi. Berdasarkan banci penduduk dan perumahan Malaysia pada tahun 2000, Sabah yang menjadi negeri kedua terbesar di Malaysia selepas Sarawak mempunyai jumlah penduduk seramai 2,464,246 orang.<sup>8</sup>

---

<sup>3</sup> Colony of North Borneo, Annual Report Department of Agriculture 1957, Jesselton, North Borneo, 1958, hlm.1.

<sup>4</sup> Lee Yong Leng, *Sabah Satu Kajian Geografi Petempatan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pendidikan Malaysia, 1982, hlm.10.

<sup>5</sup> D.S Ranjit Singh, *The Making of Sabah 1865-1941*, Kuala Lumpur: University of New York Press, 2000. hlm. 1.

<sup>6</sup> Hassan Bakil, *Penguasaan Orang-Orang Tousug Dalam Industri Perikanan Di Sabah: Kajian Kes Di Daerah Perikanan Semporna, Sabah*, Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Asia Tenggara Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 1995/1996, hlm. 5.

<sup>7</sup> Andy Raine dan Nick Raine, *Hill Resorts Nature Parks in Malaysia*, Kuala Lumpur: S. Abdul Majeed & Co, 1995, hlm. 91.

<sup>8</sup> *Buku Tahunan Perangkaan, Sabah 2007*, Jabatan Perangkaan Malaysia (Negeri Sabah), 2008, hlm. 9.

Demografi penduduk Sabah dilihat sehingga 2006 tidak menunjukkan perubahan yang banyak meskipun jumlah penduduk secara keseluruhannya bertambah dengan pesat. Sebelum tahun 1881 masyarakat pribumi Sabah terbahagi kepada dua kumpulan iaitu Dusun dan Murut yang digelar sebagai pagan.<sup>9</sup> Bagi masyarakat Kadazan/Dusun, aktiviti ekonomi yang dijalankan oleh mereka ialah menangkap ikan, memburu dan menanam padi bukit dan padi sawah. Dari segi kepercayaan, dialek yang digunakan serta adat-istiadat mereka adalah sama dan tumpuan penempatan mereka adalah di bahagian pantai barat dan kawasan pedalaman. Bagi komuniti Murut pula yang tinggal di kawasan pedalaman dan Tenggara Sabah serta di sempadan Kalimantan dan Sarawak mengamalkan pertanian pindah selain berburu hingga digelar sebagai "hillman".

Selain Dusun dan Murut, terdapat juga bangsa Bajau yang mendiami kawasan Kota Belud, Papar dan Inanam walaupun majoriti masyarakat Bajau tertumpu di pantai timur Sabah. Komuniti lain yang menetap di Sabah ialah Bugis, Tidong, Suluk, illanun, Melayu Brunei dan orang Sungei. Daripada demografi penduduk Sabah mengikut kaum masing-masing, dianggarkan bilangan pribumi dalam tahun 1881 mencecah sekitar 60,000 hingga 100,000 orang.<sup>10</sup> Jumlah bilangan tersebut sejak pemerintahan Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (SBBUB) terus bertambah akibat permintaan terhadap sektor ekonomi yang memerlukan tenaga pekerja. Kemasukan pendatang dari luar seperti Jawa, Cina, India dan Filipina dibawa masuk bagi memenuhi keperluan tersebut. Kini, data populasi penduduk berdasarkan kumpulan etnik Sabah pada tahun 2006 meningkat menjadi sejumlah 2997.0 orang seperti Jadual 1.1.<sup>11</sup>

Daripada jumlah keseluruhan tersebut, nampaknya kumpulan etnik bukan bumiputera lebih dominan berbanding kaum-kaum lain iaitu seramai 748.9 ribu orang. Bilangan bukan bumiputera melebihi kaum pribumi mungkin disebabkan

---

<sup>9</sup> Kumpulan pribumi ini adalah beragama islam, Keterangan lanjut, sila lihat Owen Rutter, *British North Borneo: An Account of its History Resources and Native tribes*, London: Constable, 1922, hlm. 52.

<sup>10</sup> Danny Wong Tze-Ken, *The Transformation of an Immigrant Society: A Study of the Chinese of Sabah*, London: ASEAN Academic Press. Ltd, 1998, hlm. 13.

<sup>11</sup> Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sabah 2006.

oleh kemasukkan pendatang tanpa izin dari Filipina dan Indonesia. Keseluruhan pembahagian kumpulan etnik Sabah bagi tahun 2006 menerangkan kelompok peribumi etnik Kadazan-Dusun adalah yang tertinggi iaitu 532.2 orang dan secara tidak langsung merupakan kedua terbanyak selepas bukan warganegara. Etnik kaum Bajau, Melayu, Cina dan Bumiputera lain masing-masing menunjukkan bilangan seramai 401.8 orang, 344.2 orang, 288.4 orang dan 438.2 orang. Manakala kumpulan terendah sekali iaitu Murut hanya 99.0 orang dan lain-lain etnik, 144.2 orang.

**Jadual 1.1: Jumlah Penduduk Sabah Mengikut Kumpulan Etnik Tahun 2006**

<b>Kaum</b>	<b>Jumlah ('000 Orang)</b>	<b>Peratusan (%)</b>
Melayu	344.2	11.5
Kadazan/dusun	532.2	17.8
Bajau	401.8	13.4
Murut	99.0	3.3
Bumiputera lain	438.2	14.6
Cina	288.4	9.6
Lain-lain	144.2	4.8
Bukan bumiputera	748.9	25.0
<b>Jumlah</b>	<b>2997.0</b>	<b>100</b>

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sabah, 2006.

Sebelum kemasukan Syarikat Berpiagam Borneo Utara British pada tahun 1881, Sabah (Borneo Utara) berada di bawah kekuasaan dua buah Kesultanan yakni Brunei dan Sulu. Sejarah pentadbiran di wilayah Sabah bermula seawal abad ke-17 apabila Sabah berada dalam kekuasaan Kesultanan Brunei namun pergolakan politik yang berlaku dalam tahun 1662 telah memaksa Sultan Muyiddin menyerahkan kawasan Timur Laut Brunei kepada Sultan Sulu. Kawasan penempatan penduduk Sabah sebelum tahun 1881, dibahagikan kepada tiga zon pentadbiran yang besar iaitu pantai Barat, pantai Timur dan kawasan pedalaman. Ketiga-tiga pentadbiran ditadbir oleh kuasa yang berlainan dimana zon pantai barat ditadbir oleh Kesultanan Brunei meliputi kawasan Selatan Padas Klias hingga

bahagian Utara Kota Belud. Pantai Timur pula berada dalam kekuasaan Kesultanan Sulu. Manakala kawasan pedalaman masih bebas dan dikuasai oleh ketua suku masing-masing.<sup>12</sup>

Hanya selepas itu, Sabah kemudiannya diambil alih oleh Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (SBBUB) dalam tahun 1881 hingga 1942 iaitu kira-kira 61 tahun sebelum ditakluki oleh tentera Jepun.<sup>13</sup> Pada tahun 1945, Sabah sekali lagi diambil alih oleh kerajaan British dan seterusnya kekal sebagai tanah jajahan British sehingga diberikan kemerdekaan pada 16 September 1963 dan secara rasminya Sabah diisytiharkan merdeka bersama-sama Tanah Melayu, Singapura dan Brunei.<sup>14</sup> Taraf berkerajaan sendiri dicapai setelah penyertaan Sabah ke dalam Malaysia melalui gagasan Persekutuan Malaysia yang diisytiharkan oleh Tunku Abdul Rahman di bawah suatu triti penyerahan yang dikenali sebagai Perjanjian Malaysia bertarikh 12 Julai 1963.<sup>15</sup>

Status kemerdekaan yang dicapai oleh Sabah selepas itu membawa pelbagai perubahan drastik khususnya dalam soal pembangunan negeri. Seiring dengan pembangunan negara pada masa tersebut, Kota Kinabalu yang dahulunya dikenali sebagai Jesselton telah dijadikan ibu negeri ketiga selepas Kudat dan Sandakan. Segala urusan pentadbiran, perdagangan dan kegiatan-kegiatan utama pihak kerajaan negeri berpusat di Kota Kinabalu. Tambahan pula kedudukannya di residensi pantai Barat amat strategik kerana terletak di kelilingi lautan yang memudahkan perdagangan eksport dan import hasil perikanan dijalankan.

---

<sup>12</sup> Hilina Jainis, *North Borneo Armed Constabulary 1881-1941*, Jabatan Sejarah, Kuala Lumpur: Universiti Malaya. 2003/2004.

<sup>13</sup> Helen Ann Peters, *Sabah, Malaysia Report*, From: Asia Magazine, Borneo Bulletin 6, 8.11.1992, hlm. 37.

<sup>14</sup> Tarikh awal cadangan penubuhan Malaysia ialah pada 31 Ogos 1963 tetapi ditunda kepada 16 September 1963 untuk menunggu selesainya tugas rombongan Bangsa-Bangsa Bersatu dan juga laporan kesimpulan Setiausaha Agung yang dijadualkan pada 14 September 1963. keterangan lanjut sila lihat *Malaysia, 1963, Malaya-Philippine Relations*, Kuala Lumpur, hlm. 13.

<sup>15</sup> *Tuntutan Filipina*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988, hlm.123.

Di bawah pentadbiran kerajaan negeri Sabah juga pelbagai langkah pembangunan telah disusun termasuklah dalam soal memajukan industri perikanan negeri. Kedudukan ibu negeri Sabah yang terletak di Kota Kinabalu pada ketika itu telah menjadikan pelabuhan Kota Kinabalu tumpuan utama pendaratan perikanan bahagian pantai barat Sabah. Tambahan lagi, hakikat sebenar menunjukkan hampir keseluruhan kawasan di Sabah terletak tidak melebihi seratus batu dari laut disebabkan oleh keadaan fizikal semulajadinya yang meruncing ke arah Utara.

Sebagai sebuah wilayah kepulauan, keutuhan dan perkembangan ekonomi Sabah adalah ditunjangi oleh sumber laut. Namun semasa pentadbiran kerajaan Sulu hasil tangkapan masih bersifat sara diri. Hal ini disebabkan oleh keadaan penangkapan yang digunakan oleh nelayan tempatan dan golongan hamba yang terlibat masih ditahap yang rendah. Penggunaan teknologi mudah umpamanya kaedah penangkapan dengan tangan, pancing, bubu, lembing, serampang dan lain-lain secara relatifnya menghasilkan tangkapan dalam kuantiti yang kecil. Walau bagaimanapun, usaha memajukan teknologi penangkapan ikan tetap diteruskan dan ditingkatkan dari semasa ke semasa. Usaha gigih golongan nelayan dan bangsawan sewaktu kesultanan Sulu ini yang akhirnya terus membawa kepada perkembangan pesat sektor perikanan sejajar dengan perubahan zamannya. Tambahan pula permintaan yang tinggi terhadap komoditi hasil laut juga secara tidak langsung merangsang peningkatan pengeluaran sektor perikanan di Sabah saban tahun.

Wilayah Sabah yang dipisahkan oleh Laut China Selatan di sebelah Timur Semenanjung Malaysia terletak di kepulauan Borneo iaitu salah sebuah negeri maritim. Konsep negeri ataupun negara maritim digunakan bagi merujuk sesebuah wilayah yang mempunyai perairan yang luas dan konsep tersebut sebenarnya berasal daripada istilah *maritime* iaitu kata nama Bahasa Inggeris bererti maritim atau bahari. Berpandukan dari perkataan tersebut kemudian lahirlah istilah *maritime power* iaitu negara maritim atau negara samudera.<sup>16</sup> Melalui penelitian ini, konsep maritim adalah merujuk kepada segala aktiviti pelayaran dan

---

<sup>16</sup> "Pelayaran Niaga Orang Buton Pada Abad XX" dlm <http://www.oldmaluku.net/buton.txt> Dilayari pada 08 November 2008.